



SYARAT SYARAT DAN PERATURAN

PERTANDINGAN PIDATO BAHASA MELAYU PIALA KETUA PENGARAH JPPKK TAHUN 2021

DISEDIAKAN OLEH:

**URUSETIA PERTANDINGAN,
POLITEKNIK KOTA KINABALU (PKK)**

SYARAT SYARAT DAN PERATURAN

PERTANDINGAN PIDATO BAHASA MELAYU PIALA KETUA PENGARAH JPPKK TAHUN 2021

1. AM

- 1.1 Peraturan ini diterima pakai untuk Pertandingan Pidato Bahasa Melayu Piala Ketua Pengarah JPPKK Tahun 2021 anjuran Bahagian Ambilan & Pembangunan Pelajar Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti, Malaysian Polytechnic Communication Enhancement Council (MPCEC) dengan kerjasama Pertubuhan Alumni Debat Malaysia (ADAM) dan Politeknik Kota Kinabalu (PKK) sebagai pengelola kejohanan.
- 1.2 Tafsiran peraturan ini adalah hak mutlak Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Penghakiman Pertandingan. Keputusan Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Penghakiman Pertandingan adalah muktamad.
- 1.3 Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Penghakiman Pertandingan mempunyai hak untuk meminda sebarang peraturan sebelum permulaan pertandingan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa.

2. STRUKTUR KEJOHANAN

Kejohanan ini dijalankan dalam kategori **Bahasa Melayu** secara **atas talian**.

3. PENYERTAAN

Setiap Politeknik dan Kolej Komuniti hanya boleh menghantar **SATU (1)** orang wakil untuk mewakili institusi tersebut.

4. KELAYAKAN

- 4.1 **TERTAKLUK KEPADA PERKARA 4.2**, pemedato adalah terbuka kepada mahasiswa dan mahasiswi yang sedang menuntut di Politeknik dan Kolej Komuniti berdaftar di Malaysia.
- 4.2 Untuk layak memasuki pertandingan pidato ini, peserta mestilah terdiri daripada **pelajar peringkat ijazah sarjana muda, pelajar peringkat diploma dan sijil daripada institusi** yang diwakili. Pengesahan bahawa pemedato adalah pelajar institusi berkenaan hendaklah dibuat oleh pihak institusi.
- 4.3 Peserta hanya boleh berpidato untuk institusi yang mendaftarkannya sahaja.

5. **FORMAT PERTANDINGAN**

5.1 Peserta akan menyampaikan Pidato dengan tema yang ditetapkan pihak penganjur.

5.2 Pemandato akan menentukan sendiri tajuk pidato yang akan disampaikan. Tajuk pidato yang ditentukan perlu bersesuaian dan bertepatan dengan tema yang ditetapkan oleh penganjur. Penganjur berhak menolak mana-mana tajuk yang dirasakan tidak bersesuaian atau bertepatan dengan tema pertandingan. Pemandato boleh menggunakan tajuk yang sama untuk setiap pusingan atau menggunakan tajuk yang berlainan untuk setiap pusingan.

5.3 **Tema Pidato :**

1. Cabaran TVET Norma Baharu
2. Pandemik Global
3. Kita Malaysia Bangkit Bersama
4. Ekonomi Mampan Rakyat Sejahtera
5. Kelestarian Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama
6. Kestabilan Politik Negara
7. Pembelajaran Atas Talian
8. Cerita dan Hikayat Rakyat – Satu Khazanah
9. Institusi Raja Tiang Seri Kedaulatan Negara
10. Revolusi Industri 4.0 Memacu Pembangunan Negara

5.4 Pertandingan ini terbahagi kepada 2 peringkat iaitu :

a) **Peringkat Pusingan Awal (5 – 11 Oktober 2021)**

Peserta menghantar video rakaman pidato kepada urusetia penganjur.

Rakaman Video hendaklah dimuatnaik di pautan berikut :

Pautan Onedrive : <https://bit.ly/3nxYSpK>

Beserta maklumat seperti Nama, No Pendaftaran, Nama institusi dan Tajuk pidato.

Contoh :

MOHDSAMSUL_07DUB18F1001_PKK_KITAMALAYSIABANGKITBERSAMA

b) **Peringkat Akhir. (14 Oktober 2021)**

Peserta akan menyampaikan pidato secara atas talian yang akan disiarkan secara langsung. **Peserta peringkat Akhir perlu memastikan mempunyai capaian internet dengan kelajuan minimum 30Mbps.**

5.5 **Waktu berpidato :**

Pusingan	Masa berucap
Pusingan Awal	6 Minit
Pusingan Akhir	7 Minit

5.6 Format untuk Peringkat Pusingan Awal dan peringkat Akhir adalah sama.

6.0 FORMAT PEMARKAHAN

6.1 Setiap pidato akan diadili berdasarkan kepada kriteria yang berikut :

KRITERIA	MARKAH	PERINCIAN
Isi	40 Markah	<ul style="list-style-type: none">- Isi yang tepat dan bersesuaian dengan tajuk pidato.- Huraian isi yang jelas dan disokong dengan bukti atau fakta yang bersesuaian.- Rumusan yang mencerminkan keseluruhan pidato.- Jumlah isi bergantung kepada masa yang diperuntukan untuk berpidato (misalnya : 6 & 7 Minit – 3 isi)
Bahasa	35 Markah	<ul style="list-style-type: none">- Penggunaan Bahasa Melayu yang betul.- Kosa kata yang tepat dengan maksud disampaikan.- Sebutan yang jelas dan tepat.- Penggunaan slanga Bahasa Malaysia akan diberikan kelebihan.
Gaya	20 Markah	<ul style="list-style-type: none">- Gaya persembahan yang meyakinkan serta membujuk.- Tidak membaca teks.- Persembahan yang menarik dan sedap didengar.- Persembahan yang bersahaja.- Intonasi yang pelbagai dan bersesuaian dengan maksud yang ingin disampaikan.- Bahasa badan yang bersesuaian.- Kawalan masa yang sempurna.
Etika	5 Markah	Pakaian dan tingkah laku yang sopan dan menarik sepanjang berpidato.
Jumlah	100 Markah	

7. KAEDAH PERTANDINGAN

7.1 Kritikan terhadap isu-isu sensitif seperti agama, bangsa, kebudayaan dan peribadi serta perlakuan atau tutur kata yang kurang sopan adalah dilarang sama sekali.

7.2 Loceng akan dibunyikan sekali 1 minit sebelum masa tamat dan loceng akan dibunyikan 2 kali bila masa tamat.

7.3 Apabila loceng berbunyi dua kali menunjukkan masa telah tamat dan markah tidak akan diberikan oleh hakim kepada peserta yang masih berpidato selepas masa tamat.

- 7.4 Pemandato yang membaca nota-nota atau teks-teks semasa berpidato akan dipotong markah.
- 7.5 Penggunaan bahasa dan tutur kata yang kurang sopan adalah dilarang sama sekali.
- 7.6 Pengerusi majlis berhak menegur pemandato yang melanggar peraturan di atas.

8. HAKIM

- 8.1 Lima (5) orang hakim berkeelayakan akan menghakimi pertandingan pada Peringkat Pusingan Awal dan Peringkat Akhir.
- 8.2 Keputusan Hakim adalah **MUKTAMAD**. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.